

PENGETAHUAN BAPA DALAM MEMBESARKAN ANAK AUTISME: SATU KAJIAN KUALITATIF

FATHERS' KNOWLEDGE IN RAISING CHILDREN WITH AUTISM: A QUALITATIVE STUDY

Awatif Hannan Binti Suhaimi¹, Suziyani Mohamed¹, Siti Najihah Binti Mahd Zahari ¹

¹Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Pembangunan Insan, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengetahuan bapa dalam membesarkan anak autisme. Autisme ialah satu kekeliruan neurologikal yang memberi kesan ke atas komunikasi, interaksi sosial dan tingkah laku seseorang. Kajian kualitatif ini dijalankan di Kedah dan melibatkan tujuh orang bapa kepada anak autisme berumur antara tiga hingga sembilan tahun. Data kajian dikumpul melalui temu bual separa berstruktur dan menggunakan analisis kajian tematik. Dapatan kajian menunjukkan dua tema utama: masalah sosial interaksi dan komunikasi dan masalah tingkah laku. Dari aspek masalah sosial interaksi dan komunikasi, bapa melaporkan anak autisme mereka mengalami kesukaran komunikasi, masalah tumpuan, tiada hubungan mata dan suka bersendirian. Manakala, dari aspek masalah tingkah laku anak autisme mereka mengalami hiperaktif, tantrum, sensitif terhadap bunyi dan suka menyusun mainan. Secara keseluruhannya, kesemua bapa mempunyai pengetahuan yang baik dalam mengenal pasti karakteristik autisme yang selaras dengan kriteria DSM-5. Kajian ini juga menegaskan kepentingan pengetahuan yang mencukupi bagi membolehkan bapa memainkan peranan positif dalam membesarkan anak autisme dan meningkatkan kesejahteraan keluarga.

Kata kunci: autism, pengetahuan bapa, interaksi sosial, tingkah laku, kajian kualitatif

Abstract

This study aims to examine fathers' knowledge of autism in raising children diagnosed with the condition. Autism is a neurodevelopmental disorder that affects communication, social interaction, and behavior. This qualitative research was conducted in Kedah involving seven fathers of children with autism aged between three and nine years. Data were collected through semi-structured interviews and analyzed using thematic analysis. The findings identified two main themes: social interaction and communication difficulties, and behavioral issues. In terms of social interaction and communication, fathers reported that their children with autism experienced speech delays, difficulties with attention, lack of eye contact, and a tendency to be solitary. In

Perkembangan Artikel

Diterima: 30 September 2025

Disemak: 19 Oktober 2025

Diterbit: 31 Oktober 2025

*Corresponding Author:

Awatif Hannan Binti Suhaimi,
Fakulti Dakwah, Pendidikan dan
Pembangunan Insan, Universiti
Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.

Email:

hannansuhaimi95@gmail.com

terms of behavior, the children exhibited hyperactivity, tantrums, sensitivity to sound, and a tendency to line up toys. Overall, the study found that fathers possessed substantial knowledge of autism characteristics, consistent with DSM-5 diagnostic criteria. Their active involvement in seminars and parent support groups further enhanced their understanding. This study highlights the importance of adequate knowledge in enabling fathers to play a positive role in raising children with autism and in promoting family well-being.

Keywords: *autism, fathers' knowledge, social interaction, behavior, qualitative study*

PENGENALAN

Autisme merupakan kecelaruan neurologikal yang memberi kesan langsung bukan sahaja terhadap kehidupan individu yang mengalaminya, malah turut mempengaruhi kesejahteraan ahli keluarga dan persekitaran mereka yang terdekat. Kecelaruan neorologikal ini biasanya dikaitkan dengan cabaran dalam interaksi sosial, komunikasi lisan dan bukan lisan, serta pola tingkah laku tertentu. American Psychiatric Association (2013), melalui *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders, Fifth Edition* (DSM-5), mendefinisikan autisme sebagai kecelaruan perkembangan yang dicirikan oleh kesukaran dalam komunikasi dan interaksi sosial serta pola tingkah laku yang terhad dan berulang. Selari dengan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (2014) menegaskan bahawa autisme ialah gangguan perkembangan yang selalunya dikesan sejak zaman kanak-kanak, melalui kesukaran berhubung dengan komunikasi, kemahiran sosial dan tingkah laku.

Dalam konteks keibubapaan, bapa memainkan peranan penting sebagai seorang lelaki yang mempunyai sumbangan tersendiri terhadap perkembangan kanak-kanak (Pleck, 2010). Habib (2012) menjelaskan bahawa kepentingan seorang bapa merangkumi peranan sebagai pelindung, penyedia keperluan, dan pembuat keputusan dalam keluarga. Malah, bapa sering digambarkan sebagai simbol kekuatan kerana memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Namun begitu, apabila berdepan dengan diagnosis anak yang mengalami autisme, persepsi dan jangkaan yang selama ini terbentuk boleh berubah secara mendadak. Justeru, tahap pengetahuan bapa mengenai autisme menjadi aspek penting bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan keperluan anak serta memperkukuh peranan sebagai seorang bapa.

Bagi kebanyakan bapa, istilah 'autisme' hanya mula didengari setelah menerima diagnosis anak. Hal ini menyebabkan mereka berdepan cabaran dalam memahami konsep autisme secara mendalam (Ahmad & Dardas, 2015; Binyamini, 2018; Hannon, 2013; Meadan, Stoner & Angell, 2015; Yaacob et al., 2021). Pengetahuan mengenai autisme meliputi pelbagai aspek seperti perkhidmatan intervensi yang diperlukan, hak-hak kanak-kanak berkeperluan khas, dan pendekatan pendidikan khas (Binyamini, 2018; Kareem et al., 2025; Meadan, Stoner & Angell, 2015). Namun demikian, pengetahuan yang paling asas dan penting adalah pemahaman terhadap ciri-ciri autisme itu sendiri. Kefahaman yang baik tentang karakteristik autisme dapat membantu bapa menerima keadaan anak dengan lebih terbuka dan positif.

Autisme dikenali sebagai suatu spektrum kerana ciri-cirinya berbeza antara satu individu dengan individu yang lain (Valicenti-McDermott et al., 2012). Bagi tujuan diagnosis, pakar profesional menggunakan garis panduan DSM-5 yang dikeluarkan oleh American Psychiatric Association (2013). DSM-5 menetapkan dua ciri utama yang mendefinisikan autisme, iaitu: a) kesukaran dalam interaksi

dan komunikasi sosial, dan b) kehadiran tingkah laku serta minat yang berulang dan terhad (Wiggins et al., 2019). Kedua-dua aspek ini perlu wujud serentak dan simptomnya dikesan sejak awal perkembangan kanak-kanak bagi mengesahkan diagnosis autisme (APA, 2013). Jadual 1.0 di bawah menunjukkan ringkasan diagnostik kriteria autisme berpandukan kepada DSM-5:

Jadual 1.0 Diagnostik Kriteria Autisme (DSM-5)

Bil	Diagnostik Kriteria	Contoh
1	Kekurangan Berterusan dalam Komunikasi Sosial dan Interaksi Sosial	1. <i>Kekurangan dalam kesalingan (reciprocity) sosio-emosi</i> seperti pendekatan sosial yang abnormal; gagal dalam perbualan dua hala; tidak menunjukkan perkongsian terhadap minat, emosi atau kasih sayang; menunjukkan kegagalan dalam memberi respon dalam berinteraksi 2. <i>Kekurangan dalam tingkah laku komulatif bukan verbal yang digunakan untuk interaksi sosial</i> seperti menunjukkan komunikasi lisan dan bukan lisan yang lemah; tiada hubungan mata dan bahasa badan atau kekurangan dalam memahami dan menggunakan gerak isyarat (<i>gesture</i>); kekurangan dalam menunjukkan ekspresi wajah dan komunikasi bukan verbal bersambung... ...sambungan 3. <i>Kekurangan dalam perkembangan, pengekalan dan pemahaman hubungan</i> seperti kesukaran menyesuaikan diri dengan pelbagai konteks sosial; kesukaran dalam berkongsi ketika <i>imaginative play</i> atau berkawan; tidak menunjukkan minat untuk berkawan
2	Corak Tingkah Laku, Minat atau Aktiviti yang Terhad dan Berulang	1. <i>Pergerakan motor berulang atau stereotaip, menggunakan objek atau pertuturan</i> seperti stereotaip motor sederhana; membariskan atau menyusun permainan; membalikkan objek; ekolalia; ungkapan idiosinkratik 2. <i>Ketegasan pada persamaan, kepatuhan yang tidak fleksibel terhadap rutin, atau ritualized patterns, atau tingkah laku verbal bukan verbal</i> seperti sangat tertekan kepada perubahan kecil; mengalami kesukaran dengan perubahan; menunjukkan corak pemikiran yang tegar; menunjukkan ritual dalam bertegur sapa; perlu mengambil jalan yang sama atau perlu makan makanan yang sama setiap hari 3. <i>Minat yang sangat terhad dan obsesi yang tidak normal dalam intensity atau fokus</i> seperti keterikatan yang kuat atau keasyikan dengan objek yang aneh; minat yang berlebihan atau berterusan 4. <i>Hiper- atau hiperaktiviti terhadap input deria atau minat luar biasa terhadap aspek persekitaran</i> seperti sikap tidak peduli yang jelas terhadap rasa sakit atau suhu; respon yang teruk terhadap bunyi atau tekstur tertentu; menghidu atau menyentuh objek dengan berlebihan; mempunyai tarikan visual terhadap cahaya atau pergerakan

Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap pengetahuan bapa di Malaysia mengenai karakteristik autisme. Walaupun terdapat kajian lepas yang membincangkan pengetahuan bapa tentang autisme, namun kebanyakannya tidak memberikan gambaran terperinci mengenai tahap pengetahuan mereka. Kajian sedia ada lebih menekankan bahawa proses mempelajari tentang autisme merupakan suatu cabaran bagi bapa (Ahmad & Dardas, 2015; Binyamini, 2018; Hannon, 2013; Meadan, Stoner & Angell, 2015). Maka, dengan berpandukan kriteria diagnostik dalam DSM-5, kajian ini berusaha

mengenal pasti tahap pengetahuan bapa terhadap ciri-ciri autisme secara lebih khusus.

OBJEKTIF

Mengkaji pengetahuan yang dimiliki oleh bapa dalam membesarkan anak autisme.

METODOLOGI

Lokasi Kajian

Kajian ini dilakukan di negeri Kedah. Tiga lokasi di negeri Kedah dipilih sebagai lokasi kajian iaitu Langkawi, Alor Setar dan Sik.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif generik yang bertujuan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang topik yang dikaji (Merriam & Tisdell, 2016; Willig & Stainton-Rogers, 2017). Menurut Denzin dan Lincoln (2018) serta Patton (2014), penyelidikan kualitatif generik menekankan penerokaan terhadap pengalaman manusia. Justeru, reka bentuk ini dianggap paling sesuai untuk mencapai objektif kajian iaitu untuk mengkaji pengetahuan yang dimiliki oleh bapa dalam membesarkan anak autisme.

Sampel Kajian

Populasi merujuk kepada sekumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang dikongsi bersama dalam sesuatu kajian (Creswell, 2013). Berdasarkan definisi ini, populasi kajian terdiri daripada bapa yang mempunyai anak autisme di negeri Kedah. Dalam penyelidikan kualitatif, jumlah peserta tidak ditetapkan secara rigid (Merriam & Tisdell, 2016). Bilangan peserta yang kecil tetapi memenuhi kriteria tertentu dianggap mencukupi sekiranya data yang diperoleh dapat menjelaskan isu kajian secara mendalam. Beberapa sarjana mencadangkan bilangan peserta kajian kualitatif minimum adalah lima orang dan boleh mencecah sehingga 10 hingga 50 orang bergantung kepada konteks kajian (Creswell & Poth, 2018; Durdella, 2017; Dworkin, 2012). Sehubungan itu, kajian ini menetapkan seramai tujuh orang peserta sebagai informan utama.

Bagi pemilihan peserta, kajian ini menggunakan teknik pensampelan bertujuan bagi memastikan maklumat yang diperoleh bersifat mendalam serta relevan dengan objektif kajian. Dua kriteria telah ditetapkan, iaitu: (a) bapa yang mempunyai anak autisme berumur antara tiga hingga sembilan tahun; dan (b) anak telah didiagnosis dengan autisme ketika berumur dua hingga tiga tahun. Penetapan kriteria ini adalah penting bagi memastikan peserta yang terlibat dapat memberikan data yang kaya serta memenuhi keperluan objektif kajian (Creswell, 2013; Merriam & Tisdell, 2016).

Instrumen Kajian

Dalam kajian kualitatif, penyelidik berperanan sebagai instrumen utama dalam proses pengumpulan

data (Eisner, 2017; Stake, 2010). Hal ini menunjukkan bahawa keberhasilan penyelidikan kualitatif banyak bergantung pada kebijaksanaan penyelidik dalam memperoleh maklumat daripada peserta, termasuk data yang tidak dapat diperoleh melalui dokumen (Merriam & Tisdell, 2016). Oleh yang demikian, penyelidikan kualitatif memerlukan tahap kesabaran yang tinggi. Sehubungan dengan itu, temu bual bersemuka telah dijalankan bagi membolehkan penyelidik mendengar, memerhati, dan memahami isu kajian secara lebih menyeluruh.

Soalan temu bual turut digunakan sebagai instrumen kedua dalam kajian ini bagi memastikan kelancaran proses pengumpulan data. Dalam merangka soalan temu bual, perkara penting yang dilakukan adalah memastikan pemilihan soalan yang relevan dan sejajar dengan objektif kajian. Bagi tujuan tersebut, soalan temu bual telah diadaptasi daripada kajian *African American Fathers Raising An Autistic Child* oleh Shannon Latoya Burns-Darden (2019) serta kajian *Exploring the Challenges Faced by the Parents in Handling Children with Autism* oleh Awatif Hannan (2017). Kedua-dua kajian ini dijadikan rujukan utama kerana kesesuaiannya dengan objektif penyelidikan yang dijalankan. Kajian ini turut menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur kerana pendekatan ini menawarkan kelebihan dari segi kebolehsuaian. Urutan soalan serta tahap penggunaan bahasa boleh diubah suai mengikut keperluan dan konteks semasa sesi temu bual dijalankan (Othman, 2014).

Analisis Data

Kajian ini menggunakan analisis tematik kerana pendekatan ini bersifat *essentialist* dan *realist*, yang membolehkan pengalaman, makna serta realiti peserta kajian dilaporkan dengan lebih mendalam. Melalui analisis tematik, corak data dapat dikenal pasti dan dianalisis secara sistematik berpandukan objektif kajian bagi mengkaji pengetahuan bapa mengenai autisme dalam membesarkan anak autisme. Kaedah ini dilaksanakan berasaskan garis panduan yang dikemukakan oleh Braun dan Clarke (2006). Dalam kajian ini, proses analisis, pengkodan serta pembentukan tema dijalankan secara serentak dengan merujuk kepada objektif kajian.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Demografik Peserta Kajian

Table 1: Demografi peserta kajian

Peserta Kajian (Kod Peserta Kajian)	Umur	Latar belakang pendidikan	Pekerjaan	Status perkahwinan	Umur anak	Umur didiagnos mengalami Autisme
01	36	STPM	Polis	Berkahwin	7 tahun	3 tahun
02	53	Sarjana	Perhotelan	Berkahwin	7 tahun	3 tahun
03	34	SPM	Bekerja Sendiri	Bapa Tunggal	7 tahun	3 tahun
04	36	Sarjana	Pegawai Tadbir Diplomatik	Berkahwin	9 tahun	3 tahun
05	32	Ijazah Sarjana muda	Guru	Berkahwin	3 tahun 2 bulan	2 tahun 5 bulan
06	32	Ijazah Sarjana muda	Guru	Berkahwin	7 tahun	2 tahun 8 bulan

Hasil dapatan analisis tematik menunjukkan terdapat dua tema yang muncul iaitu a) Masalah sosial interaksi dan komunikasi dan b) Masalah tingkah laku. Bagi tema masalah interaksi sosial dan komunikasi, terdapat empat subtema di bawahnya iaitu i) kesukaran komunikasi, ii) masalah tumpuan, iii) tiada hubungan mata dan iv) suka bersendirian. Begitu juga dengan tema masalah tingkah laku, yang turut mempunyai empat subtema iaitu i) hiperaktif, ii) tantrum, iii) sensitif terhadap bunyi dan iv) suka menyusun mainan.

Masalah sosial interaksi dan komunikasi

Table 2: Masalah sosial interaksi dan komunikasi

Interaksi sosial dan komunikasi	PK01	PK02	PK03	PK04	PK05	PK06	PK07
Kesukaran komunikasi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Masalah tumpuan	✓	✓	✓	✓			✓
Tiada hubungan mata		✓	✓				
Suka bersendirian	✓		✓		✓		

Kesukaran komunikasi

Semua peserta kajian memberikan jawapan yang sama apabila ditanya mengenai maksud autisme. Mereka menyatakan anak autisme selalunya mengalami kesukaran dalam pertuturan atau komunikasi seperti lambat bercakap. Berikut adalah petikan kenyataan peserta kajian:

"...Aa secara dasar aa ada yang boleh bercakap ada yang tidak boleh bercakap..." (PK02). "...Dia macam susah.. Dia tak boleh nak bercakap dan dia tak tau nak berkomunikasi dengan orang..." (PK03). "...Dari segi kurangnya communicate kurangnya komunikasi..." (PK04). "...Apa yang saya faham tentang Autisme ni ialah autisme ni sesuatu yang luas. Jadi.. anak saya tergolong dalam salah satu iaitu speech delay la. Satu speed delay..." (PK05). "...satu kondisi yang mana dia sedikit lain daripada orang biasa an... aa macam speech delay..." (PK07).

Masalah tumpuan

Lima orang peserta kajian menyatakan autisme berkait dengan masalah tumpuan. Anak autisme peserta kajian menunjukkan bahawa mereka berhadapan dengan kesukaran untuk menumpukan perhatian terhadap apa yang diberitahu dan apa yang dilarang dalam melakukan sesuatu perkara. Lima orang peserta kajian tersebut ialah PK01, PK02, PK03, PK04 dan PK07. Berikut menunjukkan petikan kenyataan mereka:

"...Kadang-kadang kita cakap, suruh tunggu kejap, dia tak boleh tunggu." (PK01). "Mereka tak boleh beri tumpuan..." (PK02). "Sebab dia tak boleh focus sangat. Dia tak leh focus apa yang kita cakap, apa yang kita suruh..." (PK03). "Attention spend dia kurang kan..." (PK04). "Kadang-kadang saya tinggi suara sikit la. Baru dia sedaq an,kita tengah cakap dengan dia. Kalau dak memang dia buat tak tau ja..." (PK07).

Tiada hubungan mata

Hanya dua peserta kajian yang menyatakan anak autisme mereka tiada hubungan mata ketika berkomunikasi. Berikut adalah petikan kenyataan kedua peserta kajian tersebut:

“...ada jugak aa tak boleh ada eye contact...” (PK02). “Hmm. Dia tak dak eye contact.” (PK03).

Suka bersendirian

Tiga orang peserta kajian menyatakan suka bersendirian merupakan salah satu karakteristik autisme. Hal ini kerana anak autisme mereka jarang bergaul dan lebih gemar bermain seorang diri. Berikut adalah petikan kenyataan peserta kajian:

“...Selalunya, dia tak bercampur gaul dengan orang...” (PK01). “.. aa.. dia dengan dunia dia ja. Itu yang saya tahu ah budak-budak autism ni dia suka duduk sendiri...” (PK03). “...dia nak main sorang-sorang...” (PK05).

Dalam aspek masalah interaksi sosial dan komunikasi, semua bapa yang terlibat dalam kajian ini melaporkan bahawa anak dengan autisme cenderung menghadapi kesukaran dalam berkomunikasi. Penemuan ini selari dengan pandangan Frith (2013) serta Kita dan Hosokawa (2011) yang menjelaskan bahawa kelewatan dalam pertuturan merupakan antara ciri utama yang sering dialami oleh kanak-kanak autisme. Selain itu, bapa turut menjelaskan bahawa anak dengan autisme sering berhadapan dengan masalah tumpuan, tidak melakukan kontak mata ketika berinteraksi, serta menunjukkan kecenderungan untuk menyendiri berbanding bergaul dengan individu lain. Dapatan berkaitan ciri-ciri masalah sosial interaksi dan komunikasi ini menunjukkan sejajar dengan karakteristik diagnostik autisme yang digariskan dalam *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders, Fifth Edition* (DSM-5) (APA, 2013).

Masalah tingkah laku

Table 3: Masalah tingkah laku

Masalah Tingkah Laku	PK01	PK02	PK03	PK04	PK05	PK06	PK07
Hiperaktif	✓	✓		✓	✓	✓	✓
Tantrum	✓	✓				✓	✓
Sensitif terhadap bunyi		✓		✓	✓		
Suka menyusun mainan		✓		✓			

Hiperaktiviti

Enam peserta kajian menyatakan hiperaktif sebagai masalah tingkah laku yang sering dihadapi oleh anak autisme. Malahan, majoriti anak autisme mereka turut didiagnos mempunyai hiperaktif. Berikut merupakan petikan kenyataan mereka:

“...ada slight hyperactive with autism disorder...” (PK01). “Dia ada yang orang kata very hyper autism.” (PK02). “Anak autism ni dia banyak tenaga dia...” (PK05). “...tenaga orang cakap apa dia

punya tenaga lebih tu...” (PK06).

Tantrum

Empat peserta kajian menyatakan ciri autisme adalah tantrum. Berdasarkan peserta kajian 02, anaknya agresif dan senang berontak jika tidak dipenuhi kehendaknya. Berikut merupakan petikan kenyataan peserta kajian:

“...Aa kalau dia tantrum tu kan memang...” (PK01). “...dia nak tantrum, dia nak mengamuk...” (PK06). “...Aiman (bukan nama sebenar) akan ada tantrum...” (PK07).

Sensitif terhadap bunyi

Tiga orang peserta kajian memberi respon anak autisme mereka sensitif terhadap bunyi. Anak autisme mereka takut apabila ada bunyi yang kuat seperti bunyi penyedut habuk. Berikut menunjukkan petikan kenyataan peserta kajian:

“...Mereka ada juga yang tak boleh terima bunyi yang terlalu kuat...” (PK02). “Sama jugak macam car wash dia punya bunyi, tak boleh, (dia) menjerit menangis...” (PK04). “...dia nampak takut sangat takut kepada bunyi yang bising. Bunyi-bunyi yang bising seperti vacuum, seperti blender dan bunyi yang kuat secara tiba-tiba...” (PK05).

Suka menyusun mainan

Akhir sekali, dua orang peserta kajian berkongsi bahawa anak autisme mereka dilihat suka menyusun mainan. Di mana, mainan tersebut disusun mengikut kategori tertentu dan dalam barisan yang lurus. Berikut menunjukkan petikan kenyataan peserta kajian:

“...So kita tengok dia suka susun benda lurus... Bila dia susun benda, melurus...” (PK02). “...Bagaimana dia bermain, susun teratur, ikut warna...” (PK04).

Dalam aspek masalah tingkah laku, hampir semua bapa mengaitkan autisme dengan ciri hiperaktif dan episod tantrum. Selain itu, beberapa bapa turut menjelaskan bahawa anak autisme menunjukkan kepekaan yang tinggi terhadap bunyi kuat serta memperlihatkan kecenderungan menyusun mainan secara teratur, sama ada mengikut barisan mahupun berdasarkan warna. Dapatan ini secara keseluruhan mencerminkan bahawa para bapa mempunyai pengetahuan tentang karakteristik utama yang sering dikaitkan dengan autisme. Setiap penjelasan oleh bapa mengenai ciri-ciri tingkah laku anak autisme ini selari dengan diagnostik kriteria autisme di dalam *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders V* (DSM-V) (APA 2013).

Walau bagaimanapun, hasil dapatan bagi masalah sosial interaksi dan komunikasi dan masalah tingkah laku dalam kajian ini bertentangan dengan penemuan Ahmad dan Dardas (2015), Binyamin (2018), Meadan, Stoner dan Angell (2015), serta Yaacob et al. (2021) yang mendapati bahawa bapa dalam kajian mereka mempunyai tahap pengetahuan yang rendah mengenai autisme. Malah, sebahagian bapa dalam kajian-kajian tersebut menyatakan bahawa memahami dan mempelajari tentang autisme merupakan suatu cabaran besar. Sebaliknya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa para bapa sentiasa berusaha menambah pengetahuan berkaitan autisme melalui penglibatan dalam seminar yang dianjurkan di negeri-negeri utara serta melalui penyertaan aktif dalam kumpulan sokongan ibu bapa kepada anak autisme. Usaha tersebut telah membantu mereka memperoleh pemahaman yang lebih baik

dalam mengenal pasti karakteristik autisme.

KESIMPULAN

Secara kesuluruhannya, kajian ini telah mencapai objektif kajian. Dapatan menunjukkan bahawa para bapa mempunyai tahap pengetahuan tentang autisme dan berupaya mengenal pasti karakteristik utama yang berkaitan dengan keadaan tersebut. Pengetahuan ini bukan sahaja mencerminkan pengalaman langsung mereka sebagai penjaga, malah turut memperlihatkan peranan aktif bapa dalam memahami serta menyesuaikan diri dengan keperluan anak autisme. Keupayaan bapa menambah ilmu melalui seminar dan kumpulan sokongan mencerminkan peranan aktif mereka dalam meningkatkan kefahaman tentang autisme, selari dengan pandangan terkini bahawa sokongan komuniti dan program latihan ibu bapa dapat memperkukuh literasi autisme serta meningkatkan kesejahteraan keluarga (Nealy et al., 2012; DePape & Lindsay, 2016; Bölte et al., 2021). Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya mempunyai pengetahuan mengenai autisme dalam membesarkan anak autisme. Hal ini akan memudahkan bapa dalam menguruskan anak autisme dan penglibatan aktif bapa bukan sahaja menyumbang kepada memahami keperluan anak autisme, malah meningkatkan hubungan bapa dengan anak secara menyeluruh (Shorey et al., 2023).

PENGAKUAN

Kami amat berterima kasih atas sokongan semua yang terlibat dalam kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong penemuan kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada penulis koresponden.

PENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua bapa yang terlibat dalam penulisan kajian ini. Tidak dilupakan, kepada penyelia kajian ini iaitu Dr. Suziyani Mohamed yang membimbing penulis sepanjang kajian ini dijalankan. Akhir sekali, penulis ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Cik Siti Najihah Binti Mahd Zahari yang membantu penulis dalam menghasilkan penulisan artikel ini.

RUJUKAN

- Ahmad, M.M & Dardas, L.A. (2015). The Hidden Patients: Fathers of children with autism spectrum disorder. *Journal of Intellectual and Developmental Disabilities* 40(4): 368-375.
- American Psychiatric Association. (2013). *Diagnostic and statistical manual of mental disorders* (5th ed.). American Psychiatric Publishing.
- Binyamin, G. (2018). Growing from dilemmas: Developing a professional identity through collaborative reflections on relational dilemmas. *Advances in Health Sciences Education*, 23(1), 43-60.
- Bölte, S., Berggren, S., McCracken, J. T., Bölte, S., & Berggren, S. (2021). Feasibility of parent training interventions for parents of children with autism spectrum disorder: A systematic review. *Autism*, 25(8), 2302–2318. <https://doi.org/10.1177/13623613211004718>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in psychology*, 3(2), 77-101.
- Burns-Darden, S. L. (2019). *African American fathers raising an autistic child* (Doctoral dissertation, Walden University). Walden Dissertations and Doctoral Studies.
- Darden, S. L. B. (2019). *African American fathers raising an autistic child* [Doctoral dissertation, Walden University].
- Creswell, J. W. (2013). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (Eds.). (2018). *The SAGE handbook of qualitative research* (5th ed.). Sage Publications.
- Davies, A., Rix, J., & Robb, M. (2024). Fathers' Relationships with Their Disabled Children: A Literature Review. *Disability Studies Quarterly*, 43(3).
- DePape, A. M., & Lindsay, S. (2016). Parents' experiences of caring for a child with autism spectrum disorder. *Qualitative Health Research*, 26(9), 1369–1386. <https://doi.org/10.1177/1049732315612582>
- Eisner, E. W. (2017). *The enlightened eye: Qualitative inquiry and the enhancement of educational practice*. Teachers College Press.
- Frith, U. 2013. *Autism Explaining The Enigma*. Edisi ke-2. Australia: Blackwell Publishing.
- Habib, C. (2012). Paternal perinatal depression: An overview and suggestions towards an intervention model. *Journal of Family Studies*, 18(1), 4–16.
- Hannon, M. (2013). *Love him and everything else will fall into place: an analysis of narratives of African-American fathers of children with autism spectrum disorder*. [Disertasi Dr. Fal, The Pennsylvania State University].
- Kareem, A. F., Mohammed, A. A., Ra'aoof, H. H. A., & Tiryag, A. M. (2025). Parental knowledge and awareness of autism symptoms and management strategies. *Academia Open*, 10(1).
- Kita, Y., & Hosokawa, T. (2011). *History of autism spectrum disorders: Historical controversy over the diagnosis* [Doctoral dissertation, Tohoku University].
- Meadan, H., Stoner, J. B., & Angell, M. E. (2015). Fathers of children with autism: Perceived roles, responsibilities, and support needs. *Early Child Development and Care*, 185(10), 1678–1694.
- Merriam, S.B., & Tisdell, E.J. (2016). *Qualitative Research. A Guide To Design and Implementation*. Edisi ke- 4. San Francisco: John Wiley & Sons Inc.

- Nealy, C. E., O'Hare, L., Powers, J. D., & Swick, D. C. (2012). The impact of autism spectrum disorders on the family: A qualitative study of mothers' perspectives. *Journal of Family Social Work, 15*(3), 187–201. <https://doi.org/10.1080/10522158.2012.675624>
- Othman, L. (2014). *Penyelidikan kualitatif: Kepada teori dan metod*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patton, M. Q. (2014). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice*. Sage Publications.
- Pleck, J. H. (2010). Fatherhood and masculinity. In M. E. Lamb (Ed.), *The role of the father in child development* (5th ed., pp. 27–57). Wiley.
- Shorey, S., Ng, Y. P., Lau, L. S. T., & Lau, Y. (2023). Fathers' involvement in interventions for children with autism spectrum disorder: A scoping review. *Journal of Autism and Developmental Disorders, 53*, 11234–11252.
- Tisdell, E. J., Merriam, S. B., & Stuckey-Peyrot, H. L. (2025). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. John Wiley & Sons.
- Valicenti-McDermott, M., Hottinger, K., Seijo, R., & Shulman, L. (2012). Age at diagnosis of autism spectrum disorders. *The Journal of Pediatrics, 161*(3), 554–556.
- Wiggins, L. D., Rice, C. E., Barger, B., Soke, G. N., Lee, L. C., Moody, E., Edmondson-Pretzel, R., & Levy, S. E. (2019). DSM-5 criteria for autism spectrum disorder maximizes diagnostic sensitivity and specificity in preschool children. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology 54*(6): 693–701.
- Willig, C., & Stainton-Rogers, W. (2017). *The Sage Handbook of Qualitative Research in Psychology*. London: Sage.
- Yaacob, W. N. W., Yaacob, L. H., Muhamad, R., & Zulkifli, M. M. (2021). *Behind the scenes of parents nurturing a child with autism: A qualitative study in Malaysia*. *International Journal of Environmental Research and Public Health, 18*(16), 8532.